

ABSTRAK

Tujuan kajian ialah untuk mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli Pahang (PETAMA) serta langkah-langkah penyelesaian yang dilaksanakan bagi mengatasinya. Bagi mendapatkan data berkaitan, kajian ini menggunakan metode historis, dokumentasi, temubual serta observasi. Kajian ini mengandungi lima bab. Perbincangan bab satu berkisar mengenai pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian dan kajian-kajian lepas. Manakala bab dua membincangkan mengenai program dakwah di kalangan masyarakat Orang Asli yang dilakukan oleh beberapa pertubuhan dakwah di Pahang. Penulis memperkenalkan program dakwah di PETAMA beserta objektifnya menerusi bab tiga. Manakala bab empat yang merupakan fokus kajian, memberi tumpuan kepada mengenalpasti permasalahan di PETAMA dan langkah-langkah penyelesaiannya. Akhirnya penulis membuat kesimpulan berkaitan objektif kajian serta mengutarakan beberapa saranan kepada pihak terbabit dalam bab lima. Dapatan kajian menjelaskan bahawa masalah di PETAMA terbahagi kepada masalah dalaman dan masalah luaran. Pihak tenaga pengajar, pelajar, peruntukan yang lewat diterima, masalah modul program dan kekurangan kelengkapan pembelajaran merupakan masalah dalaman di PETAMA. Manakala masalah luaran ditimbulkan oleh masyarakat sekitar, penjaga serta pertubuhan dakwah yang lain. Sungguhpun demikian, dengan beberapa langkah tertentu, PETAMA telah berjaya mengatasi permasalahan tersebut. Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa masalah yang berlaku di PETAMA merupakan masalah yang lazim dihadapi oleh sesebuah institusi dakwah. Manakala langkah-langkah penyelesaian yang dilakukan adalah bersifat menyeluruh. Diharapkan dengan pelbagai masalah yang perlu ditangani, ia mampu untuk mematang dan memantapkan lagi PETAMA dalam usaha mereka untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli.

ABSTRACT

The purpose of this research is to study problems faced by Pusat Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli Pahang (PETAMA) and its problem solving. The researcher carried out the historical, documentation, interview and observation methods for data collection. This research consists of five chapters. In chapter one, it contains problem statements, objectives of research, importance of research, scope of research, methodology of research and literatures review. Second chapter, discusses about da'wah programmes for Orang Asli, that conducted by some of the da'wah institutions in Pahang. The researcher introduced the PETAMA including its programs' modules and objectives in chapter three. The heart of this research is in chapter four, which discusses about the problems in PETAMA with the solutions. To end the research, chapter five concludes the discussion by referring to the objectives of research and some suggestions. The study found that the problems in PETAMA are divided into internal and external problems. Lecturers, students, financial, programs' modules and lack of learning sources are considered as internal problems. Meanwhile, the external problems occurred from community, parents and other da'wah institutions. Luckily, with some brilliant efforts, PETAMA managed to solve all these problems. In general, the study showed that the problems faced by PETAMA can be considered as common problems among the da'wah institutions. Besides that, the solutions initiated by PETAMA covered all types of problems. Hopefully, with the variety of problems faced by PETAMA, it can improve and upgrade its functions and roles to ensure the meaningful life for Orang Asli.